PERBADANAN NASIONAL BERHAD

SIARAN AKHBAR

PROGRAM *BUSINESS FOR FRANCHISE* (BFF) CARE
BANTU USAHAWAN BAZAR RAMADAN PANTAI DALAM

PANTAI DALAM, 6 Mei 2019 – Seramai 60 orang usahawan menerima sumbangan kanopi sempena PNS CSR BFF Care (*Business For Franchise*) Lembah Pantai 2019 yang yang diadakan di Bazar Ramadan Pantai Dalam hari ini.

Program PNS CSR BFF Care merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PNS yang dilaksanakan bagi memberi bantuan dan sokongan terhadap peniaga atau usahawan kecil dengan pemberian kanopi bagi mereka menjalankan perniagaan di Bazar Ramadan.

Bekerjasama dengan Kawasan Parlimen Lembah Pantai, untuk misi program CSR kali ini, PNS memberi tumpuan terhadap komuniti setempat terutamanya golongan usahawan selari dengan peranan PNS sebagai 'Peneraju Industri Francais Negara' yang sinonim dengan aktiviti-aktiviti pembangunan usahawan di Malaysia. Upacara pemasangan kanopi bersama para usahawan disertai oleh YB Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Tuan Haji Hassan Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) PNS.

Peniaga Bazar Ramadan telah menerima satu unit kanopi yang merupakan barangan utama untuk peniaga menjalankan perniagaan mereka sepanjang bulan Ramadan. Inisiatif ini juga merupakan salah satu platform bagi membentuk persepsi positif terhadap jenama PNS terutama dalam kalangan usahawan di sekitar kawasan ini.

Program CSR BFF Care yang julung kali diadakan ini juga merupakan permulaan bagi usaha berterusan yang akan dijalankan oleh PNS bagi pembangunan usahawan setempat. Antara perancangan jangka masa panjang yang akan

dijalankan adalah program seminar keusahawanan, pameran keusahawanan dan memperkenalkan program *Business In Transformation* (BIT) kepada usahawan berpotensi untuk menceburi bidang perniagaan francais.

Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) PNS, Tuan Haji Hassan Abdul Rahman berkata “Tahun ini PNS meneruskan lagi tradisi pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan dan kali ini kami memfokuskan golongan usahawan kecil setempat. Saya ingin menekankan bahawa PNS tidak hanya memfokuskan cabang utama PNS dalam pembangunan francais, malah PNS turut cakna mengenai hal kebajikan masyarakat.”

“Bantuan ini diberikan adalah sebagai tanda keprihatinan terhadap keperluan yang perlu ditanggung oleh usahawan kecil dalam menjalankan perniagaan. Program CSR ini merupakan permulaan usaha sama jangka masa panjang bagi membentuk dan melahirkan usahawan yang berdaya saing seterusnya mampu menjadi usahawan perniagaan francais yang berjaya.”

“Saya melihat program ini juga merupakan alternatif yang baik bagi memperkenalkan PNS kepada masyarakat setempat. PNS telah memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 bagi pemberian kanopi dan saya harap bantuan ini dapat memberi manfaat kepada para usahawan pada masa akan datang.” tambah beliau.

Sila hubungi Puan Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik untuk urusan media melalui emel hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

PERBADANAN NASIONAL (PNS)

Perbadanan Nasional (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.

Empat dari

YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai (empat dari kiri) bersama dengan Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) PNS, En Hassan Abdul Rahman (lima dari kiri), barisan Pengurusan Kanan PNS dan peniaga Bazaria Pantai Dalam.

YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai (lima dari kiri) bersama dengan Ketua Pegawai Operasi (Perniagaan) PNS, En Hassan Abdul Rahman (enam dari kiri) bersama dengan warga kerja PNS sempena Program CSR BFF Care (Business For Franchise) Lembah Pantai 2019.